



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/2 ( 78 )  
Tarikh : 19 Disember 2024  
17 Jamadilakhir 1446H

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah  
Ketua Pendaftar  
Hakim Mahkamah Rendah Syariah  
Pendaftar/ Penolong Pendaftar

Yang Arif/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 3 TAHUN 2024  
BIDANGKUASA MAL MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif/ Tuan/ Puan kepada keputusan Muzakarah Pegawai Syariah Bil. 3 Tahun 2024 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang pada 13 Disember 2024 telah bersetuju dan menerima pakai arahan berhubung pendaftaran kes Mal yang jumlah tuntutan RM500,000.00 dan ke bawah hendaklah didaftarkan di Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah yang berkenaan. Arahan ini dikeluarkan berikutan pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (Pindaan) 2023 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2024 telah menaikkan bidangkuasa Mal Mahkamah Rendah Syariah daripada RM100,000.00 kepada RM500,000.00.

2. Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil. 2 Tahun 2006 berkaitan Bidangkuasa Mal Mahkamah Rendah Syariah Negeri Pulau Pinang adalah dibatalkan.

Arahan ini berkuat kuasa serta merta.

**(YANG AMAT ARIF ZA'IM BIN MD YUDIN)**  
Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Pulau Pinang

